

Temu Anwar' platform mahasiswa adu 'masalah' kepada PM

• Sesi dialog 'Temu Anwar' diadakan secara berkala sejak Perdana Menteri mula memegang jawatan itu pada 24 November 2022

• Melalui siri dialog begini, jelas suara anak muda dihargai dan jadi sebahagian daripada denyut nadi pembinaan Malaysia MADANI



Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Kejurulatihan), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Oleh Ahmad Rafiuddin Saharudin
bhrencana@bh.com.my

Pada 18 Ogos lalu, Dewan Tun Canselor Universiti Multimedia (MMU) di Cyberjaya menjadi saksi kepada satu acara penting apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hadir melancarkan Fakulti Kecerdasan Buatan dan Kejuruteraan (FAIE).

Majlis itu turut dilangsungkan sesi dialog 'Temu Anwar' bersama mahasiswa, memperlihatkan kesediaan Perdana Menteri turun padang mendengar suara, keresahan dan harapan generasi muda Malaysia.

Sesi dialog 'Temu Anwar' ini diadakan secara berkala sejak Perdana Menteri mula memegang jawatan itu pada 24 November 2022, sekali gus menegaskan peranan mahasiswa sebagai rakan dialog dalam pembinaan negara bangsa.

Sesi ini membentuk budaya dialog dua hala yang sihat, yang mana mahasiswa dapat bertanya soalan kritikal tanpa sekatan, sementara Perdana Menteri pula berlapang dada menerima pandangan, teguran dan cadangan mereka.

Pada 11 April lalu, Perdana Menteri hadir ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam satu sesi 'Temu Anwar' di sana. Dalam sesi itu, beliau menegaskan kerajaan tidak akan menaikkan cukai hanya untuk menambah peruntukan institut pengajian tinggi awam (IPTA) kerana langkah sedemikian akan membebankan rakyat.

Pada 5 Mei pula, beliau menghadiri program serupa bersama mahasiswa institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Management and Science University (MSU), Shah Alam. Di MSU, Perdana Menteri menekankan kepentingan penguasaan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) serta peralihan tenaga, sambil mengingatkan mahasiswa tetap berpegang kepada nilai budaya, akhlak dan akidah ketika meneroka dunia digital.

Di MMU Cyberjaya, Perdana Menteri memberi tumpuan kepada isu semasa, termasuk peluang kerjaya dalam bidang AI, kebajikan pelajar antarabangsa, kos sara hidup mahasiswa serta peranan perpaduan nasional dalam memastikan kestabilan negara.

Sepanjang sesi itu, Perdana Menteri menghargai setiap pertanyaan, sama ada daripada mahasiswa tempatan mahupun antarabangsa dengan memberi perhatian penuh kepada isu dibangkitkan. Pendekatan ini mencerminkan sifat kepemimpinan inklusif, bersedia mendengar dan berorientasikan penyelesaian.

Kepada soalan pertama daripada mengenai langkah kerajaan bagi memastikan jurutera AI di Malaysia mendapat peluang pekerjaan setanding dengan pasaran global, Perdana Menteri menjelaskan permintaan terhadap jurutera AI kini sangat tinggi.

Menurut beliau, dengan permintaan tinggi, gaji ditawarkan juga semakin meningkat. Beliau menasihatkan mahasiswa menumpukan latihan dan kepakaran kerana pasaran kerja AI di Malaysia dan dunia dijangka terus berkembang pesat.

Kepada soalan kedua daripada Abdul Rahman, seorang mahasiswa berasal dari Nigeria, mengenai peranan Malaysia memperkukuh kerjasama seran-

tau, khususnya ASEAN dalam pembangunan AI dan digital, Perdana Menteri menjelaskan ASEAN kini memberi penekanan terhadap dua agenda baharu, iaitu keterhubungan digital dan kerjasama tenaga.

Kebergantungan kepada AI

Menjawab soalan menyentuh kebimbangan mengenai kebergantungan keterlaluan kepada AI sehingga menjejaskan daya fikir manusia, khususnya dalam kalangan Gen Z, Perdana Menteri mengakui wujudnya risiko 'over-dependence' terhadap AI, oleh itu mahasiswa perlu dilatih bukan sahaja dengan kemahiran teknikal, tetapi juga dengan nilai kemanusiaan.

Beliau menegaskan bahawa teknologi tidak boleh memperlekehkan peranan manusia, sebaliknya perlu diimbangi dengan akhlak dan pemikiran kritikal. Kerajaan juga meneliti dasar penggunaan teknologi, mengambil contoh beberapa negara yang menghadkan penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak.

Soalan diajukan Anas Ahmad, seorang mahasiswa dari Sudan membangkitkan isu cukai 6 peratus ke atas yuran pelajar antarabangsa dan ingin mengetahui manfaat daripada pelaksanaan langkah itu, Perdana Menteri menjawab caj kecil ini dianggap wajar kerana Malaysia masih menawarkan pendidikan jauh lebih murah berbanding banyak negara lain di rantau ini.

Menjawab soalan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar MMU, Lian Lim yang bertanyakan sama ada kerajaan boleh memberi inisiatif tambahan sekali bayar RM100 kepada mahasiswa bagi meringankan kos sara hidup, Perdana Menteri menjelaskan kerajaan sudah meluluskan pemberian RM100 kepada semua rakyat berusia 18 tahun ke atas, namun cadangan tambahan itu akan

dipertimbangkan dalam Belanjawan 2026 akan dibentangkan Oktober ini.

Menjawab soalan berikutnya mengenai keberkesanan peruntukan RM10 juta kepada Agenda Penyatuan Nasional, Perdana Menteri menekankan perpaduan nasional adalah asas kepada keselamatan negara. Dana berkenaan akan dimanfaatkan untuk memperkukuh interaksi belia pelbagai kaum.

Jaminan peluang pekerjaan

Persoalan mengenai jaminan kerajaan terhadap peluang pekerjaan dan keusahawanan bagi graduan dalam bidang AI, Perdana Menteri menjawab, universiti kini giat membina sinergi dengan industri antarabangsa seperti Microsoft, Google, Infineon dan YTL.

Beliau menegaskan permintaan tenaga kerja dalam bidang AI tidak akan menjadi masalah jika mahasiswa meningkatkan kepakaran dan kepakaran khusus mereka.

Mengulas soalan bagaimana kerajaan dapat memastikan mahasiswa berasa dihargai dan diberi peluang dalam dunia semakin mencabar, Perdana Menteri menjawab dengan menekankan penganjuran siri 'Temu Anwar' di universiti adalah bukti kerajaan menghargai mahasiswa.

Malah, beliau juga menyebut pengalaman berdialog dengan mahasiswa memberi semangat baharu kepada dirinya untuk terus bekerja keras demi masa depan negara.

Kesimpulannya, melalui siri dialog begini, jelas suara anak-anak muda dihargai dan menjadi sebahagian daripada denyut nadi pembinaan Malaysia MADANI, sementara kerajaan pula menegaskan pembangunan negara tidak dapat dipisahkan daripada aspirasi dan harapan generasi pewaris masa depan.



Anwar pada sesi dialog 'Temu Anwar' sempena pelancaran Fakulti Kecerdasan Buatan dan Kejuruteraan di Dewan Tun Canselor Universiti Multimedia Cyberjaya, Isnin lalu. (Foto BERNAMA)